

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMNIN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931

Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sekian terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU

Sekarang dapat diperhatikan bahawa tidak seorang pun di dalam masyarakat Adat Perpatih itu yang dibenarkan kahwin dalam sukunya sendiri. Setiap anak buah mestilah bersemenda dengan suku lain. Oleh yang demikian, berlaku perkahwinan antara suku-suku dalam sesebuah Luak itu. Adalah menjadi perkara yang biasa resam atau orang bersemenda kepada suatu suku itu akan terdiri dari anak-anak buah kepada semua suku yang lagi sebelas di dalam Luak. Disebabkan pertalian perkahwinan inilah maka suku-suku dalam Luak itu merupakan besan-besan antara satu sama lain. Maka berbesan-besan pula suku-suku itu.

Seperkara lagi perlu diingat, iaitu walaupun seorang anak itu menjadi anak buah kepada suku ibunya namun dalam hidupnya ia juga mempunyai hubungan erat persaudaraan dengan suku bapanya kerana saudara-saudara bapanya itu tetap sahaja menjadi saudara-maranya juga. Suku-suku dalam sesebuah Luak itu juga boleh dikatakan hidup berjiran antara satu sama lain. Dengan pertalian seperti ini maka tentunya wujud perasaan hormat-menghormati, segan-menyegani antara suku-suku yang bersemenda-menyemenda, berbesan-besan dan berjiran-jiran. Setiap suku itu berkehendakkan budi bahasa yang baik.

"Dalam alam Rajanya

Dalam Luak Penghulunya

Dalam Suku Lembaganya

Berumpok masing-masing,

Berhak seorang Satu

harta orang jangan ditarik

untuk kita jangan diberikan

duduk berpelarasan,

dekat rumah, dekat kampung

*boleh pinta-meminta,
sakit pening jengok-menjengok".*

Demikianlah cara budi bahasa yang baik menurut Adat Perpatih. Akan tetapi budi bahasa yang baik ini seharusnya sudah diberikan apabila sahaja seseorang itu bekahwin kerana ia sentiasa sahaja akan menjaga nama baik dirinya dan nama baik sukunya di tempat semendanya itu. Kalau di tempatnya sendiri ia akan mengutamakan budi bahasa yang baik dari orang semendanya maka begitu juga keadaan di tempat semendanya.